



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 26 OGOS 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PADI MENORA MAMPU CATAT HASIL 9.96 TAN SEHEKTAR, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PADI MENORA DIYAKINI TINGKAT DAYA TAHAN PADI, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	
3.	MENORA LEBIH 'KENTAL', LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 19	
4.	NEW PADI VARIETY BOOSTS YIELDS, NATION, THE STAR, M/S – 4	
5.	PADI MR 333 TINGKAT HASIL 9 TAN SEHEKTAR, NASIONAL, BERITA HARIAN – 16	
6.	PULIH RUMAH PAM KEMUBU DAHULU SEBELUM TANAM PADI 5 KALI 2 TAHUN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
7.	SINDIKET GUNA TESTIMONI PALSU JERAT MANGSA, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 7	LAIN – LAIN
8.	BIAR PESAWAH BELI RACUN GUNA KUPON, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Padi Menora mampu catat hasil 9.96 tan sehektar

KEPALA BATAS: Varieti padi baharu MR 333 yang dinamakan Menora yang dibangunkan khas untuk kawasan jelapang boleh catat hasil sehingga 9.96 sehektar.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, Ia dijangka mendapat sambutan dalam kalangan pesawah kerana tempoh matang yang singkat, ketahanan rebah dan berat 1,000 biji yang lebih tinggi kira-kira 30.9 gram sekali gus menjadi faktor penting dalam men-

ingkatkan produktiviti ladang.

Katanya, varieti itu adalah hasil penyelidikan intensif Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang turut disokong melalui peruntukan RM36.1 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan padi dan beras.

"Kajian MARDI mendapati ketahanan MR 333 terhadap penyakit karah membantu mengurangkan keperluan penggunaan racun kimia yang bukan

sahaja menjimatkan kos tetapi juga memberi manfaat kepada alam sekitar.

"Selain berpotensi memberikan hasil tinggi serta mempunyai ketahanan terhadap penyakit, kita yakin menerusi pematuhan SOP penanaman yang baik, ia akan memberikan pulangan yang menguntungkan kepada pesawah," katanya kepada pemberita selepas majlis pengisytiharan varieti padi baharu di Kampung Lahar Minyak di sini, semalam.

Padi Menora diyakini tingkat daya tahan padi

SEBERANG PERAI – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengisytiharkan varieti padi baharu MR 333, Menora yang diyakini mampu meningkatkan produktiviti dan daya tahan tanaman padi negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia adalah hasil penyelidikan intensif MARDI yang turut disokong melalui peruntukan RM36.1 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan padi dan beras.

"Kajian MARDI mendapati ketahanan MR 333 terhadap penyakit karah membantu kurangkan keperluan penggunaan racun kimia yang bukan sahaja menjimatkan kos tetapi juga memberi manfaat kepada alam sekitar.

"Selain berpotensi hasil tinggi serta mempunyai ketahanan terhadap penyakit, kita yakin menerusi pematuhan SOP penanaman yang baik, ia akan memberikan pulangan yang menguntungkan kepada pesawah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas Majlis Pengisytiharan Varieti Padi Baharu MARDI MR 333

di Kampung Lahar Minyak, Kepala Batas di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata varieti ini dibangunkan khas untuk kawasan jelapang dan telah mencatatkan potensi hasil tertinggi sehingga 996 tan sehektar.

"Varieti MR 333 yang dinamakan Menora ini bersempena budaya tradisi dan warisan negeri di utara Malaysia," ujarnya.

Dalam pada itu, Mohamad turut mahu ancaman keladi agas yang membiak di sawah padi dengan mudah dikhuatiri menjelaskan pertumbuhan padi, sekaligus menjejaskan pengeluaran hasil negara ditangani segera.



MOHAMAD (tiga dari kiri) melihat varieti padi baharu MARDI MR 333 dengan diberi nama Menora pada Majlis Pengisytiharan Varieti Padi Baharu MARDI MR 333 di Lahar Minyak, Kepala Batas semalam.

26/8/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

19

333 itu sesuai sebagai alternatif kepada varieti popular seperti MR 297, MR 315, MR 303 dan MR 307.

"Oleh itu, ia dijangka mendapat sambutan dalam kalangan pesawah kerana tempoh matang yang singkat iaitu antara 103 ke 108 hari dan memiliki ketinggian pokok sekitar 99.8 sentimeter (cm), hampir setara dengan varieti MR 297, sekali gus memberikan kelebihan terhadap masalah rebah.

"Selain itu, MR 333 ini mempunyai 1,000 biji yang lebih tinggi iaitu 30.9 gram (g) yang menyumbang kepada hasil tinggi," katanya.

Mohamad berkata, MARDI sudah menghasilkan 58 varieti padi dengan lebih 95 peratus kawasan jelapang utama negara ditanam menggunakan varieti MARDI.

"Varieti seperti MR 297 dan MR 220 CL2 terus menjadi pilihan utama pesawah berdasarkan laporan Jabatan Pertanian bagi musim utama 2022 dan 2023," katanya.

► INFO

● Menora berdaya saing dan mempunyai ketahanan terhadap penyakit, antaranya penyakit karah padi, sekali gus kurangkan penggunaan racun



MOHAMAD (dua dari kiri) pada Majlis Pengisytiharan Varieti Padi Baharu MARDI MR 333 di Kampung Lahar Minyak. - Gambar NSTP/MIKAIL ONG

Menora lebih 'kental'

Varieti padi baharu MARDI tingkat produktiviti, tahan penyakit

rangkan penggunaan racun, seterusnya membantu meningkatkan pendapatan pesawah jika disertai dengan amalan penanaman ini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengelola MARDI Dr Azman Ismail dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM Da-

tuk Badrul Hisham Mohd dan Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Jelas beliau, varieti MR

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Kepala Batas

Varieti padi baharu MR 333 dikenali sebagai 'Menora' yang diperkenalkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), semalam, mampu meningkatkan produktiviti pengeluaran, selain mempunyai daya tahan tinggi dan rintang kepada penyakit padi.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, Menora adalah hasil penyelidikan MARDI ke-58 dalam usaha mempertahankan produktiviti padi dan beras negara.

Kata beliau, Menora dibangunkan khas untuk kawasan jelapang dan mencatatkan potensi hasil tertinggi sehingga lebih sembilan tan sehektar.

"Varieti baharu ini juga hasil penyelidikan intensif MARDI yang turut disokong melalui peruntukan RM36.1 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan padi serta beras.

"Ia terbukti berdaya saing dan mempunyai ketahanan terhadap penyakit, antaranya penyakit karah padi sekali gus mengu-

New padi variety boosts yields

Farmers can get 10 tonnes per hectare — and higher income, says minister

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

KEPALA BATAS: The new padi variety MR333 has been developed specially for granary areas with a potential yield of up to 9.96 tonnes per ha, said Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said it is in line with the objectives of the National Rice Industry Reform Plan.

"It has the potential to produce impressive yields of up to 9.9 tonnes per ha, as recorded in Jerleh, Terengganu, while farmers in Sekinchan reported harvests reaching around 9.96 tonnes per ha.

"With its high yield and disease-resistant nature, coupled with strict adherence to good farming standard operating procedure, God willing, this new variant will bring lucrative returns for farmers," he said.

Mardi (Malaysian Agricultural Research and Development Institute) would conduct further studies on the threat of keladi agas and identify the best way to control the invasive weed.

"When we go down to the padi fields, we can see that the plant is becoming more widespread.

"It used to be just an ordinary plant, but now it is affecting rice growth," he said.



More rice, fewer problems: Mohamad Rafirdaus (left) and Nazri holding the MR333 variety of padi. (Inset) Mohamad Sabu — ZHAFFARAN NASIB/The Star

Mohamad Sabu said one reason the weed multiplies easily is because farmers do not follow SOP for fertiliser application.

"When the rice has just begun to sprout, if fertilisers are applied too early or excessively, it would result in the spread of keladi agas.

"That is why it is important to

follow the correct sequence: spray the herbicide first, then apply the fertilisers," he explained.

Mohamad also reminded farmers to comply with SOP for weed control, including herbicide spraying starting from land preparation and again between the 15th and 18th day after the

planting of the rice.

Meanwhile, farmer Mohamad Rafirdaus Abu Bakar, 49, who has been in the business for 30 years, said he would usually have a yield of about four to five tonnes of padi per ha each year.

But since adopting the MR333 variety two years ago, his yield

has increased by 50%.

"Since I joined the pioneer programme two years ago using the MR333, I could get more than eight tonnes per ha in the last four harvesting seasons," he said.

Mohamad Rafirdaus, who hails from Megat Dewa, Kodiang, said the new variety should be adopted by all padi farmers as it could boost their income.

Another farmer, Mohd Nazri Murad, 54, said the MR333 variety is more resilient as it allows the padi to mature faster.

"Since adopting to this new variety, I've experienced fewer pest problems than usual.

"The shorter maturity cycle also means that I can plan my planting season more efficiently, reducing the cost while increasing the overall productivity," he added.

Nazri said the improved yield and reduced risks has given him greater confidence to continue with MR333, especially as market demand for higher-quality padi remains strong.

They were among some 100 padi farmers who attended the MR333 launch in Kampung Lahar Minyak yesterday.

Also known as Menora, the new padi variety is the result of intensive research by MARDI, supported by an allocation of RM36.1mil under the 12th Malaysia Plan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Padi MR 333 tingkat hasil 9 tan sehektar

Benih Menora matang dalam tempoh lebih singkat, tahan penyakit

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kepala Batas: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melancarkan benih padi baharu MR 333 dinamakan Menora yang berupaya meningkatkan hasil sehingga sembilan tan sehektar.

BH difahamkan, pada masa ini, purata hasil (jelapang negara) adalah kira-kira 4.2 tan/hektar; manakala purata hasil (MADA) antara 5.1-6 tan/hektar.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata tempoh matang Menora lebih singkat iaitu antara 103 ke 108 hari dan memiliki ketinggian pokok sekitar 99.8 sentimeter hampir setara dengan varieti MR297, sekali gus

memberikan kelebihan terhadap masalah padi rebah.

"Selain itu, MR 333 ini mempunyai 1,000 biji yang lebih tinggi iaitu 30.9 gram (g) yang menyumbang kepada hasil tinggi," katanya kepada pemberita ketika Majlis Pengisytiharan Varieti MR333 di Kampung Lahar Minyak, di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengelola MARDI, Dr Azman Ismail; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Datuk Badrul Hisham Mohd dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Mohamad berkata, Menora juga mempunyai daya tahan tinggi dan rintang kepada penyakit antaranya penyakit karah padi.

Mantapkan produktiviti

Beliau berkata, pengisytiharan Menora hasil penyelidikan MARDI ke-58 dalam usaha memantapkan produktiviti padi dan beras negara.

Katanya, varieti padi baharu berkenaan dibangunkan khas untuk kawasan jelapang dan mencatatkan potensi hasil tertinggi sehingga lebih sembilan tan

sehektar.

"Varieti baharu ini juga adalah hasil penyelidikan intensif MARDI yang turut disokong melalui peruntukan RM36.1 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan padi serta beras.

"Ia terbukti berdaya saing dan mempunyai ketahanan terhadap penyakit antaranya penyakit karah padi, sekali gus mengurangkan penggunaan racun, seterusnya membantu meningkatkan pendapatan pesawah jika disertai dengan amalan penanaman yang baik," katanya.

Beliau berkata, MR 333 sesuai sebagai alternatif kepada varieti popular seperti MR 297, MR 315, MR 303 dan MR 307.

"Padi MR 333 yang diperkenalkan hari ini (semalam) ditanam secara kaedah mencedung (memindahkan anak padi yang telah bercambah biasanya selepas 20-25 hari disemai di tapak semaian ke sawah) menggunakan jentera penanaman yang mampu meningkatkan keberkesanan pengurusan tanaman dan memberi pulangan lebih baik kepada pesawah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Pulih rumah pam Kemubu dahulu sebelum tanam padi 5 kali 2 tahun

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@mediamulla.com.my

KOTA BHARU: Cadangan melaksanakan projek penanaman padi lima musim dalam dua tahun di Kelantan hanya mampu menjadi kenyataan sekiranya sistem pengairan di Rumah Pam Kemubu dipulihkan dan ditambah baik terlebih dahulu.

Presiden Persatuan Pesawah-

pesawah Kelantan (PESAKO), Zuhair Ismail berkata, rumah pam berkenaan adalah nadi utama sistem pengairan negeri dan menjadi sumber bekalan air utama kepada ribuan pesawah di negeri ini.

"Perkara utama ketika ini ialah selesai terlebih dahulu sistem pengairan di Rumah Pam Kemubu.

"Selagi rumah pam itu belum berfungsi dengan sempurna,

segala perancangan membangukan infrastruktur lain seperti tali air dan sistem saliran hanya sia-sia," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Zuhair turut mencadangkan supaya Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) melaksanakan proses naik taraf infrastruktur secara berfasa dan mengikut pecahan jajahan bagi memastikannya lebih tersusun.

Katanya, langkah itu secara tidak langsung mengelak kerajaan daripada terbeban dari segi kos.

"Kita faham naik taraf ini bukan perkara kecil. Ia melibatkan peruntukan besar dan perancangan teliti," katanya..

Akhbar ini pernah melaporkan, KADA memilih memberi tumpuan penuh terhadap pembangunan infrastruktur dan

menaik taraf kemudahan sedia ada sebelum melangkah ke fasa penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun.

Pengerusinya, Khalid Abdul Samad berkata, kejayaan penanaman dua musim setahun yang sedang dilaksanakan ketika ini perlu dijadikan asas kukuh sebelum negara bercita-cita meningkatkan bilangan musim penanaman.

Sindiket guna testimoni palsu jerat mangsa

Pelabur durian Musang King berputih mata

Keratan akhir BH, semalam.

Kuala Lumpur: Pulangan keuntungan selangka 100 peratus hanya dalam tempoh dua hingga tiga bulan menjadi tarikan kepada pelaburan tidak sah membabitkan tanaman dan buah durian Musang King di negara ini.

Ratusan pelabur juga terpu-kau dengan tawaran keuntungan segera itu kerana nilai pasaran global durian terutama Musang King mencecah puluhan bilion ringgit setiap tahun, termasuk sambutan luar biasa di beberapa negara Asia seperti China, Hong Kong, Taiwan, Singapura dan Asia Barat.

Malah, pada tahun ini sahaja, nilai pasaran durian dijangka mencapai sekitar AS\$30 bilion (RM141 bilion), dengan kapasiti durian Musang King dari Malaysia sangat bernilai untuk dieksport.

Pensyarah di Jabatan Perniagaan dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Norsida Man, berkata terdapat pelbagai skim pelaburan pertanian durian di negara ini sama ada berdaftar atau tidak.

Bagaimanapun, katanya, skim

Skim ini dibangunkan dengan kerangka pelaburan tertentu bagi menarik minat pelabur. Ia diuruskan syarikat mendakwa mempunyai kepakaran menguruskan serta jururunding teknikal dalam penanaman durian.



Norsida Man,
Pensyarah di Jabatan Perniagaan dan
Ekonomi Biosumber,
Fakulti Pertanian, UPM.

Mereka menjanjikan pulangan tinggi, antara 30 hingga 100 peratus dalam tempoh dua ke tiga bulan.

"Sindiket ini juga menggunakan testimoni palsu, jaminan keuntungan serta kontrak samar untuk menjerat mangsa. Malah, ada pelabur yang dikesan dipaksa membuat deposit tambahan atas alasan 'yuran proses' sebelum boleh mengeluarkan modal," katanya kepada BH, semalam.

BH semalam melaporkan ratusan rakyat Malaysia kerugian

syarikat, pelabur boleh membeli lot penanaman di kawasan tertentu, dengan sejumlah pokok dalam setiap lot.

"Skim ini dibangunkan dengan kerangka pelaburan tertentu bagi menarik minat pelabur. Ia diuruskan syarikat yang mendakwa mempunyai kepakaran menguruskan serta jururunding teknikal dalam penanaman durian.

"Selain itu, mereka menggunakan data dan teknologi terkini untuk memberi unjuran pulangan hasil tanaman. Tujuan asalnya adalah menggalakkan pelaburan sektor pertanian bagi memastikan pembangunan berterusan serta menjana pendapatan negara," katanya.

Menurut beliau, pelaburan sedemikian lazimnya membabitkan eksport memandangkan permintaan tinggi dari luar negara, khususnya China.

"Durian Malaysia, terutama Musang King, sangat bernilai untuk eksport. Nilai pasaran global durian dijangka mencecah AS\$30 bilion pada 2025. Ada juga skim pelaburan yang hanya fokus pada pasaran domestik, namun akhirnya tetap menyokong eksport," katanya.

Biar pesawah beli racun guna kupon

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Isu racun tidak berkualiti yang merupakan antara penyumbang hasil padi merosot bukanlah perkara baharu dibangkitkan pesawah, sebaliknya sudah berlautan sejak sekian lama.

Ia turut menjadi salah satu cabaran merealisasikan hasrat kerajaan ke arah peningkatan hasil melalui penanaman padi lima kali dua tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad berkata, bagi mengatasi masalah itu, beliau mencadangkan agar bantuan atau insentif racun bernilai RM200 sehektar yang diberikan kerajaan ditukar kepada skim kupon bagi membolehkan pesawah membeli sendiri racun yang mereka percaya.

Katanya, melalui kupon tersebut, pesawah mempunyai lebih pilihan membeli racun yang dirasakan bersesuaian dengan tanaman, berbanding terpaksa membeli racun yang disediakan syarikat-syarikat tertentu.

Katanya, ramai pesawah merungut mengenai racun digunakan pada masa ini tidak berkesan, lantas memberi impak besar kepada tanaman.



SEORANG PESAWAH MENINJAU SAWAH PADI YANG DIUSAHAKAN DI KAMPUNG BAKONG, ARAU. PERLIS. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

"Pesawah selalunya tidak ada pilihan, pilih sahaja racun yang mana ada daripada syarikat-syarikat berkenaan. Disebabkan itu, kadang-kala ada racun yang tidak sesuai serta tidak berkualiti.

"Ia memberi kesan kepada hasil yang merosot. Kadangkala ada racun yang mengikut sukatan sekali pun, gagal mengatasi masalah serangan bena perang pada tanaman padi.

"Adakala pelbagai jenis racun sudah digunakan namun masih tidak dapat mengawal serangan bena perang ini," katanya.

Katanya, beliau juga melihat sistem yang ada sekarang perlu ditukar kepada kaedah kupon di mana pesawah boleh membeli sendiri racun di mana-mana ke-
dai atau pembekal lain mengikut pilihan dan kesesuaian tanaman.

Mohd. Shazwan berkata, sudah sekian lama pihaknya membangkitkan isu racun tidak berkualiti, namun belum ada jalan penyelesaian.

"Ke arah merealisasikan hasrat dan seruan kerajaan mengenai penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun, masalah serta isu asas seperti racun, baja ini perlu diselesaikan selain masalah infrastruktur," katanya.

racun melalui lima ke enam syarikat ditetapkan.

Katanya, ketika banciaan dilaksanakan di sesuatu kawasan, pesawah lazimnya memilih racun mengikut nama syarikat, bukan jenis racun.

Ujarnya, harga racun ketika ini antara RM50 sehingga RM200 dan jika belian racun oleh pesawah melebihi jumlah subsidi yang diberikan, mereka perlu menambah wang sendiri.

akan terus berulang setiap musim. Dalam masa terdekat, kita juga akan melihat keperluan memanggil syarikat-syarikat racun ini untuk sesi libat urus bersama pesawah bagi mencari jalan penyelesaian," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, Pengerusi Surau Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, pesawah akan menggunakan subsidi racun RM200 itu bagi memesan